

PROFIL ISU SOSIOEMOSI PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT (Profile Of Socio-Emotional Issues of Intelligent and Talented Students)

* Tengku Elmi Azlina Tengku Muda¹, Nur Hidayah Muhamad Saleh¹

Submitted: 29-Apr-2024
Accepted: 2-Mei-2024
Revised: 24-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

¹Pusat PERMATA@PINTAR NEGARA
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: elmiazlina@kuis.edu.my

Abstrak

Perkembangan tidak selari (*asynchronous development*) telah menyebabkan konflik-konflik sosioemosi dalam kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat (PPB) apabila kemampuan sosial dan emosi mereka tidak berkembang seiring dengan kemampuan intelektual mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meneroka isu sosio emosi yang dihadapi serta kesan permasalahan dan faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan gabungan (*mixed-method*) dan seramai 217 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Asas 1 hingga Tahap 2 di Pusat Genius@Pintar Negara, UKM. Kajian ini menggunakan instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar (ITSeP), *The Overexcitability Questionnaire-Two (OEQII)* dan *Multidimensional Perfectionism Inventory*. Hasil kajian berkaitan keinginsempurnaan mencatatkan skor yang tinggi bagi semua komponen dimana komponen keinginsempurnaan sendiri sebagai komponen tertinggi (4.58) dan komponen keinginsempurnaan terhadap orang lain yang terendah (4.08). Hasil kajian berkaitan keterujaan luarbiasa pula menunjukkan komponen emosi merekodkan nilai tertinggi (3.75) dan komponen psikomotor sebagai komponen terendah (3.13). Bagi analisis tekanan emosi, komponen tekanan keadilan mencatatkan nilai tertinggi (4.07) manakala komponen tekanan kekeluargaan sebagai komponen terendah (2.29). Dapatan kualitatif menunjukkan bahawa faktor-faktor pencetus permasalahan sosioemosi adalah disebabkan oleh personaliti peribadi, genetik dan persekitaran yang akhirnya memberi kesan kepada kehidupan harian. Implikasi kajian ini adalah dapat dijadikan sebagai rujukan oleh ibubapa, pendidik terutama kaunselor untuk memahami isu sosio emosi yang dialami oleh pelajar pintar dan berbakat. Pengetahuan yang diperolehi sekaligus dapat membantu merancang strategi yang bersesuaian untuk meningkatkan perkembangan pelajar secara holistik.

Kata Kunci: Sosioemosi, Pelajar, Pintar dan Berbakat

Abstract

Asynchronous development has caused socio-emotional conflicts among Gifted and Talented Students when their social and emotional abilities do not develop parallel with their intellectual abilities. Therefore, this study aims to identify and explore the socio-emotional issues faced as well as the effects of the problems and the factors that influence them. This study uses a mixed-method research method and a total of 217 students consisting of students from Basic 1 to Level 2 at Pusat Genius@Pintar Negara, UKM. This study used the Student Socio-Emotional Stress (ITSeP) instrument, The Overexcitability Questionnaire-Two (OEQII) and Multidimensional Perfectionism Inventory. The results of the study related to the perfectionism recorded a high score for all components where the component of the self-perfection is the highest component (4.58) and the component for perfectionism towards others is the lowest (4.08). The results of the study related to overexcitability showed that the emotional component recorded the highest value (3.75) and the psychomotor component as the lowest value (3.13). As for the emotional stress analysis, the justice stress component recorded the highest value (4.07) while the family stress component was the lowest value (2.29). Qualitative findings show that the factors that trigger socio-emotional problems are caused

by personal personality, genetics and the environment that ultimately affect daily life. The implication of this study is that it can be used as a reference by parents, educators, especially counselors to understand the socio-emotional issues experienced by gifted and talented students. The information acquired will help to plan appropriate strategies to improve the development of students holistically.

Keywords: *Socioemotional, Student, Gifted and Talented*

1.0 PENGENALAN

Pelajar pintar dan berbakat merupakan individu yang mempunyai daya intelektual yang tinggi dan mempunyai kecekapan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Gagne (1995) mendefinisikan pelajar pintar dan berbakat sebagai individu yang mempunyai kebolehan atau potensi semulajadi dan kebolehan tersebut boleh dikembangkan menjadi bakat menerusi persekitaran dan faktor-faktor lain. Di Malaysia terdapat sekumpulan pelajar pintar dan berbakat yang terdiri daripada pelbagai umur yang layak dikategorikan sebagai pelajar pintar dan berbakat. Menurut kajian oleh Renzulli (2002) mendapati bahawa terdapat seorang individu pintar bagi setiap 10,000 (1:10,000) dan terdapat seorang individu yang sangat pintar bagi populasi setiap 100,000 (1:100,000) penduduk. Tahap kepintaran pula boleh dibahagikan kepada skala IQ pelajar seperti *profoundly gifted* (165 keatas), *exceptionally gifted* (155-164), *highly gifted* (145-154), *moderately gifted* (135-144) dan *mildly gifted* (120-129).

Pelajar pintar berbakat juga berbeza berbanding rakan sebaya dalam beberapa aspek perkembangan fizikal, psikomotor, emosi, spiritual, intelek dan sosial (Davis & Rimm 2004). Sebanyak 17 ciri-ciri umum personaliti pelajar pintar berbakat yang ketara telah disenaraikan oleh Piirto (1999). Ciri-ciri tersebut ialah kreatif, imajinatif, intuitif, perspektif, mendesak, berani mengambil risiko, cekap, berdisiplin, mementingkan kesempurnaan, terbuka, toleran terhadap sesuatu ketidakpastian, memiliki pandangan yang mendalam, keamatan dalam bertingkah laku, amat menyukai kerja, corak pemikiran mirip kedua-dua gender, memiliki kemahuan yang kuat dan tabah berusaha. Ciri-ciri ini memberi nilai tambah kepada mereka berbanding rakan sebaya yang lain.

Walaupun pelajar pintar dan berbakat memiliki keunikan dari segi keupayaan intelektual, golongan pelajar ini sebenarnya turut terdedah dengan isu perkembangan tidak selari (*asynchronous development*) yang menyebabkan timbulnya isu berkaitan dengan perkembangan sosioemosi yang negatif. Pendapat umum yang menyatakan bahawa pelajar pintar dan berbakat adalah golongan pelajar yang stabil dan tidak memiliki sebarang masalah dalam aspek-aspek perkembangan fizikal, psikologi, sosial dan emosi telah lama ditolak dan dianggap sebagai mitos semata-mata (Abu Yazid & Aliza Alias 2009, Rosadah Abdul Majid 2004).

Seperti remaja dan individu lain, mereka juga tidak dapat lari dari mempunyai konflik dalam diri mereka. Pelajar pintar berbakat ini mempunyai beberapa karakter khas yang juga boleh mendedahkan mereka kepada tekanan. Ng Sen Fa dan Sandiyao Sebastian (2005) merumuskan bahawa masalah sosio-emosi sering kali tercetus di kalangan pelajar pintar berbakat berpunca dari sifat diri mereka yang unik dan faktor persekitaran yang tidak merangsang perkembangan yang seimbang. Sikap mementingkan kesempurnaan (*perfectionist*) yang tinggi boleh mendorong mereka ke arah takut terhadap kegagalan (Abu Yazid & Aliza Alias 2009). Ini akan menjadikan mereka cepat berputus asa dan mudah marah apabila tidak berpuas hati dengan hasil kerja mereka. Kerja mereka juga boleh tertanggung disebabkan mereka inginkan kesempurnaan sebagai persediaan untuk memulakan kerja tersebut dan juga kesempurnaan dalam hasil akhir.

Selain itu, mereka juga mempunyai tahap estim diri yang rendah (*low-self esteem*), keterujaan melampau (*overexcitabilities*), perasaan tertekan serta kebimbangan yang berterusan (Abu Yazid 2014). Brody (2014) mengatakan pelajar pintar dan berbakat berhadapan dengan isu sosio emosi kerana pada peringkat kanak-kanak merupakan satu tempoh yang sesuai untuk mengenalpasti kebolehan sosioemosi pelajar (Idang et.al. 2016). Namun hal ini berlaku disebabkan mereka mempunyai kebolehan yang tinggi dan mereka merasakan kelainan yang ada pada diri yang tidak difahami oleh orang lain, ketidaksesuaian akademik yang diperolehi, penyesuaian persekitaran sekolah serta bermasalah untuk mencari kawan yang memahami mereka (Jen, 2017). Kajian ini selari dengan kajian Bergold et.al (2015) yang mendapati golongan remaja pintar dan berbakat berpendapat mereka mempunyai tahap kepuasan hidup yang kurang berbanding dengan pelajar biasa

disebabkan permasalahan yang dihadapi dalam hidup mereka. Menurut pendapat Zahrah (2015), proses kompetensi sosioemosi jika tidak dibantu akan berlarutan daripada usia kanak-kanak sehinggalah mereka melangkah ke alam dewasa.

1.1 Masalah Sosioemosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat

Rorlinda (2017) berpendapat bahawa sosioemosi merujuk kepada kepercayaan seseorang untuk menyesuaikan diri dengan orang lain dalam proses sosial dan kawalan emosi. Dalam konteks pelajar pintar dan berbakat ini, golongan pelajar ini sentiasa bertarung untuk membuat penyesuaian diri (Vertenynen 2014) dari aspek penerimaan rakan sebaya, minat sendiri, motivasi akibat konflik kematangan kognitif yang mereka hadapi. Pernyataan ini turut dipersetujui oleh Ogurlu, Yalin dan Yavuz Birben (2018), iaitu kesan psikologi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat boleh menyumbang kepada isu sosioemosi. Menurut Abu Yazid (2014) melalui kajiannya pula mendapati tiga ciri unik berkaitan isu sosioemosi yang sering dikaitkan dengan pelajar pintar berbakat ialah a) ingin kesempurnaan (*perfectionism*); b) keterujaan melampau (*overexcitabilities*) dan keserlahan berganda (*twice-exceptionalities*). Selain itu, Galbraith (1985) dalam kajiannya menyatakan isu dan cabaran dalam kehidupan pelajar pintar berbakat seperti a) perasaan berbeza dan tidak diterima dalam kalangan rakan sebaya; b) ekspektasi untuk menjadi sempurna oleh ibu bapa, guru-guru dan rakan sebaya; c) perasaan kebosanan di sekolah; d) kekerapan diperlekehkan rakan sebaya di sekolah; e) perasaan tidak upaya untuk menyelesaikan isu yang bersifat global; f) kekeliruan dengan pelbagai pilihan kerjaya.

Definisi konsep keinginsempurnaan adalah gabungan pemikiran dan perlakuan yang dikaitkan dengan penetapan standard yang tinggi atau jangkaan kepada prestasi yang tidak realistic (Hamacheck 1978). Silverman (2007) mentakrifkan keinginsempurnaan boleh mendatangkan kebaikan mahupun kekurangan bergantung tahap kesedaran seseorang. Bagi Zainon (2014) pula berpendapat bahawa keinginsempurnaan boleh bertindak sebagai semangat yang mendorong kepada pencapaian yang menakjubkan setelah individu tersebut dapat melepasi limit yang telah dapat dicapai sebelumnya. Namun demikian, keinginsempurnaan yang gagal di kawal akan memberikan impak yang lebih negatif terhadap pelajar contohnya isu penangguhan, motivasi diri yang rendah, gangguan kesihatan mental dan pencapaian dibawah tahap yang memuaskan. Kajian oleh Schuler (1999) yang menyatakan sikap kesempurnaan yang keterlaluan lazimnya membawa tekanan atau beban dalam kehidupan harian individu dan kajiannya juga mendapati 87.5% daripada pelajar pintar berbakat menunjukkan kecenderungan untuk bersikap inginkan kesempurnaan dalam kehidupan seharian mereka.

Keterujaan luar biasa pula didefinisikan sebagai kecenderungan dalaman terhadap pelbagai bentuk rangsangan samada dari dalam mahupun dari luaran dengan menonjolkan tingkahlaku yang keterlaluan (Harrison, & Van haneghan, 2011). Penggunaan perkataan *over* (luar biasa) bermaksud perasaan teruja yang berlebihan atau melampau melebihi keterujaan pelajar normal. Keterujaan (*excited*) bermaksud rangsangan yang tinggi yang dipamerkan oleh pelajar atau perasaan ghairah terhadap sesuatu. Oleh yang demikian gabungan perkataan keterujaan melampau (*overexcitability*) memberikan maksud perasaan keterujaan yang luar biasa yang dipamerkan sehingga menimbulkan perlakuan dan pemikiran yang unik jika dilihat oleh masyarakat dan jika dibandingkan dengan pelajar seusianya. Keterujaan melampau menyebabkan pelajar pintar berbakat lebih sensitif dengan menunjukkan tindak balas pada kadar ketegangan yang memuncak atau tinggi kepada setiap rangsangan yang wujud dalam persekitarannya. Samada mereka gembira atau sebaliknya dan juga teruja terhadap sesuatu, mereka boleh menunjukkan perasaan mereka secara lisan atau fizikal dengan lebih ketara. Sikap ini juga memberi risiko untuk pelajar pintar berbakat lebih cepat tertekan berbanding rakan seusia.

Berdasarkan permasalahan berkaitan dengan isu sosioemosi, pengkaji telah memfokuskan kajian berdasarkan persoalan berikut:

1. Apakah profil sosio emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di Pusat PERMATA@Pintar Negara, UKM?
2. Apakah faktor dan kesan permasalahan isu sosioemosi yang dialami oleh pelajar pintar dan berbakat?

2.0 KAJIAN LEPAS

Menurut Jusiah, Halik dan Sanu (2016) secara umumnya pelajar pintar dan berbakat mempunyai penyesuaian diri yang baik namun ada segelintir yang berhadapan dengan masalah penyesuaian sosio emosi disebabkan situasi yang tidak menyokong keperluan pelajar pintar seperti akademik, persekitaran dan penyesuaian dengan rakan sebaya. Kajian oleh pengkaji lepas dalam bidang pintar dan berbakat membuktikan bahawa keunikan ciri-ciri pelajar ini menyebabkan mereka terdedah kepada masalah sosio emosi (Abu Yazid & Aliza 2009; Silverman 1997; Chan 2010; Speirs Neumeister, & Cross 2012). Keinginsempurnaan, kebimbangan social dan keterujaan luar biasa telah dikenalpasti sebagai trait utama yang dihadapi oleh pelajar pintar berbakat ini.

Keinginsempurnaan berorientasikan social (Socially Prescribed Perfectionism) dan keinginsempurnaan berorientasikan diri (Self orientation Perfectionisme) yang didorong oleh matlamat mencapai kejayaan juga menyumbang kepada isu keinginsempurnaan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat ini (Speirs-Neumeister, William & Cros 2007). Keinginsempurnaan berorientasikan diri akan memacu kejayaan seseorang individu dan merupakan keinginsempurnaan positif manakala keinginsempurnaan orientasi sosial akan membawa kepada keinginsempurnaan ke arah yang negatif. Oleh itu, keinginsempurnaan maladaptive ini perlu dikurangkan dan difahami (Colangelo, & Wood 2015; Mofield, & Peters 2018; Stricker et.al.2020. Impak negatif daripada keinginsempurnaan ini boleh menjejaskan pencapaian pelajar pintar dan berbakat dan kecemerlangan masa depan pelajar pintar dan berbakat (Weidman, et.al.2015).

Isu seterusnya adalah kebimbangan yang banyak berlaku dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat disebabkan oleh tekanan akibat persekitaran yang tidak menyokong disamping konsep sendiri yang rendah. Kebimbangan sosial dikenali sebagai fobia social. Individu yang terlibat dengan masalah ini akan cuba menghadkan aktiviti dihadapan khalayak dan mengasingkan diri dari berdepan dengan orang ramai (Firdaus & Oei 2011). Individu yang mengalami kebimbangan social sering melihat kemungkinan mereka dinilai secara negatif dalam penampilan social maka kemungkinan mereka tidak dapat memenuhi tahap pencapaian yang tinggi serta dinilai secara negative adalah tinggi (Rapee, & Heimberg, 1997). Dalam kebimbangan sosial, penggunaan tingkahlaku mengelak akan mengganggu persembahan social dan akan dapat meneguhkan ketidakefektifan kepercayaan seseorang yang mengalami kebimbangan ini (Clark, & Wells.1995; Rapee Heimberg 1997). Disamping itu individu yang mempunyai kebimbangan social biasanya mempunyai intepretasi yang salah tentang reaksi orang lain (Clark, & Wells, 1995). Hakikatnya kebimbangan sosial merupakan satu isu yang semakin membimbangkan dan perlu dibantu dalam kalangan pelajar. Kebimbangan sosial ini mampu memberi impak yang besar dalam pembentukan persoanliti, akademik dan masa depan remaja umumnya (Howell et.al.2016) dan pelajar pintar berbakat khususnya.

Pelajar pintar dan berbakat lebih berisiko tinggi mengalami keterujaan luar biasa berbanding dengan pelajar tipikal (Delgado et.al.2018; Howell et.al 2016; Limont et.al.2014). Pelajar yang mempunyai keterujaan luar biasa pada kebiasaannya akan mempamerkan intensity yang tinggi dalam tingkahlaku serta menimbulkan masalah (Davis et.al.2014). Keterujaan luar biasa ini boleh mencetuskan perkembangan potensi dalaman dan luaran yang akan menjadi kelebihan dan kekurangan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. (Limont et.al.2014). Kegagalan memahami isu sosioemosi keterujaan luar biasa ini akan menjejaskan kebolehan pelajar pintar dan berbakat mengikut dimensi kecenderungan

psikomotor, emosi, sensori, intelek dan imaginasi (Aliza, 2014). Bagi isu keterujaan luar biasa ini, keunikan kecenderungan pelajar ini perlu diterjemahkan kepada potensi luar biasa bagi golongan pintar dan berbakat (Chang, & Kuo 2013)

Kajian lepas banyak mengaitkan hubungan keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa. Antara kajian yang mendapati keinginsempurnaan mempunyai hubungan dengan kebimbangan social adalah seperti kajian yang dijalankan oleh Abdollahi, & Abu Talib (2015), Al-Naggar (2013), Chang (2014), Handley et.al (2015), Mansor Abu et.al (2016), Scott et.al (2014) dan Villiers (2009), Peronne-McGovern et.al.2015, White (2007). Ini membuktikan pemilihan isu keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa merupakan pemilihan yang tepat ketiga-tiga ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Kajian lepas mengenai kaedah rawatan intervensi kebanyakannya berkisar kepada pendekatan dalam bidang kaunseling. Diantara kajian pembangunan modul yang ada adalah pendekatan bermain oleh Nor Hamizah (2019), kajian terapi seni oleh Rafidah (2014) dan kaedah motivasi oleh Jamaluddin (2005).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan gabungan (Mixed Method). Pada peringkat kuantitatif iaitu di fasa 1, seramai 217 orang pelajar dijadikan subjek kajian yang terdiri daripada pelajar Asas 1 hingga Tahap 2 di Pusat PERMATA@Pintar Negara, UKM. Peringkat kuantitatif adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap isu sosioemosi. Penganalisaan data menggunakan perisian SPSS dan analisis min dan deskriptif digunakan untuk menilai tahap isu keinginsempurnaan, keterujaan luar biasa dan isu sosioemosi lain.

Kajian ini menggunakan instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar (ITSeP) , The Overexcitability Questionnaire-Two (OEQII) dan Multidimensional Perfectionism Inventory . Ujian kebolehpercayaan instrumen turut dijalankan dan hasil analisis menunjukkan ujian kebolehpercayaan bagi instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar (ITSeP) adalah 0.974 , The Overexcitability Questionnaire-Two (OEQII) adalah 0.941 dan Multidimensional Perfectionism Inventory adalah 0.912.

Pada peringkat kualitatif pula seramai 7 orang terlibat sebagai informan yang dipilih berdasarkan kepada responden yang memiliki tahap isu sosioemosi yang tinggi mengikut kategori sosio emosi seperti keinginsempurnaan, keterujaan luar biasa dan isu sosioemosi lain. Data responden berkaitan tahap isu sosioemosi yang tinggi diperolehi melalui data kuantitatif. Analisis data kualitatif dilakukan dengan kaedah manual, iaitu menghasilkan tema-tema berkaitan faktor dan kesan permasalahan isu sosioemosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis soal selidik, hasil kajian adalah seperti berikut:-

1. Apakah Profil Isu Sosioemosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat di Pusat PERMATA@Pintar Negara, UKM?
 - 1) Isu Keinginsempurnaan (*Perfectionisme*)

	Min	s.p
Perfectionisme Keseluruhan	4.38	0.71
Perfectionisme Kendiri	4.58	0.83
Perfectionisme Terhadap Orang Lain	4.06	0.73
Perfectionisme Sosial	4.50	0.82

Jadual 1: Tahap Isu Keinginsempurnaan

Hasil kajian menunjukkan keinginsempurnaan mencatatkan skor yang tinggi bagi semua komponen dimana komponen keinginsempurnaan sendiri sebagai komponen tertinggi (4.58) dan komponen keinginsempurnaan terhadap orang lain yang terendah (4.06).

2) Isu Keterujaan Luarbiasa (*Overexcitabilities (OE)*)

	Min	s.p
OE Keseluruhan	3.50	0.57
OE Psikomotor	3.13	0.82
OE Deria	3.73	0.66
OE Imaginasi	3.29	0.88
OE Intelektual	3.61	0.71
OE Emosi	3.75	0.60

Jadual 2: Tahap Keterujaan Luar Biasa

Hasil kajian berkaitan keterujaan luarbiasa pula menunjukkan komponen emosi merekodkan nilai tertinggi (3.75) dan komponen psikomotor sebagai komponen terendah (3.13).


3) Isu Sosioemosi lain

	Min	s.p
SE Keseluruhan	3.06	0.79
SE Emosi	3.22	0.99
SE Motivasi	3.19	1.02
SE Kendiri	3.21	1.15
SE Bimbang	3.26	1.04
SE Sempurna	3.22	0.95
SE Tangguh	3.00	1.06
SE Pencapaian Rendah	2.47	0.97
SE Sosial	2.65	1.09
SE Adil	4.07	0.78
SE Keluarga	2.29	1.08

Jadual 3: Isu Sosioemosi lain

Hasil analisis berkaitan dengan isu lain tekanan emosi menunjukkan komponen tekanan keadilan mencatatkan nilai tertinggi (4.07) manakala komponen tekanan kekeluargaan sebagai komponen terendah (2.29)

2. Apakah faktor dan kesan permasalahan isu sosioemosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat?



Rajah 1: Faktor Permasalahan Isu Sosioemosi

Berdasarkan Rajah 1, dapatan kualitatif menunjukkan bahawa faktor permasalahan sosioemosi pelajar pintar dan berbakat dikategorikan kepada tiga perkara utama iaitu kategori persekitaran, biologikal dan personaliti peribadi.

i) Persekitaran

Bagi kategori persekitaran ianya disebabkan oleh isu berkaitan dengan keluarga yang disebabkan oleh pengaruh didikan atau pengalaman negatif yang dialami semasa membesar dalam keluarga. Menurut Responden 7, sikap pemikiran melampau (*overthinking*) dan kesukaran bertenang (*restlessness*) adalah mengikut cara dia dibesarkan di rumah.

“Mak, setiap 10 minit dia akan sapu rumah. Walaupun dah vakum, nanti dia tetap akan sapu balik... Jadinya abang, kakak, saya pun sama, tak boleh duduk diam dalam rumah”

Selain itu ianya disebabkan oleh konflik hubungan dalam kalangan ahli keluarga samada dari segi kerapatan dengan ibubapa dan perceraian dalam keluarga.

“*Expectation parents* buat saya rasa tertekan... sebab saya nak buat benda lain jugak. *The expectation* bukan apa yang saya nak buat...

Dan saya kalau ada masalah, saya *prefer* simpan... Saya tak suka cakap sangat (walaupun isu akademik)”

- Responden 1

ii) Biologikal

Kategori seterusnya adalah disebabkan oleh faktor biologikal dimana faktor personaliti dan masalah emosi diperolehi daripada baka atau warisan tret dalam keluarga iaitu ibubapa.

"Saya suka mengemas, rasanya ikut ayah. Ayah macam tu, suka mengemas. Sebab ayah artist, dia ada *planning* dia"

- Responden 1

"Ya, ibu saya ada kemurungan lepas perceraian, dan saya pun ada. Tapi sekarang saya dah *heal*, dah ok."

- Responden 6

iii) Personaliti Peribadi

Faktor terakhir adalah personaliti peribadi pelajar itu sendiri iaitu kekurangan kemahiran sosial dan kesukaran mengekspresikan emosi menyebabkan pelajar yang sedang berdepan dengan masalah lebih suka berdiam diri tanpa berkongsi masalah dengan orang lain bagi mendapatkan rawatan, panduan dan intervensi merawat emosi.

"Saya *prefer* sorang-sorang. Mana-mana pun sorang. Kalau makan kadang-kadang ada kawan, kadang-kadang sorang"


- Responden 7

"Saya kalau nangis, nangis sorang-sorang. Segan (nak nangis depan keluarga)"

- Responden 4

"Saya kalau pasal pelajaran saya akan minta tolong, tapi kalau pasal perasaan saya akan *cope* je sendiri. Saya rasa tak perlu sebab boleh *cope* sendiri...Contoh kalau saya masuk pertandingan dan tak menang, saya just akan *comfort* diri sendiri"

- Responden 5



Rajah 2: Kesan Permasalahan Isu Sosioemosi

Berdasarkan Rajah 2, dapatan kualitatif menunjukkan isu sosioemosi yang dialami memberi kesan terhadap perkembangan diri pelajar. Antara kesan yang dialami pelajar pintar dan berbakat dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu gangguan kepada rutin, perasaan tidak puas hati dan kerisauan yang berlebihan.

i) Gangguan Kepada Rutin

Kesan emosi yang menyebabkan gangguan kepada rutin menyebabkan pelajar mengalami masalah tidur seperti yang dinyatakan oleh Responden 3, bahawa banyak berfikir menyebabkannya sukar untuk mendapatkan tidur yang sempurna.

"..the fact that I couldn't sleep last night..., yes, I overthink most of the time. ... about life..."

"Selalunya bila saya cuba nak tidur, tapi tak boleh. Lepastu kalau memang dah pusing-pusing lama sangat saya akan bangun buat kerja je"

- Responden 2

Kesan intensiti sosioemosi juga menyebabkan mereka sukar untuk memberi fokus kepada pembelajaran dan tugas seharian. Menurut Responden 3 juga,

"I guess sometimes it (overthinking) makes me easily distracted, like when I need to be focusing my work in class and then I'm thinking about other stuff."

ii) Perasaan Tidak Puas Hati

Kesan emosi seterusnya adalah mengalami perasaan tidak puas hati terhadap pencapaian yang menyebabkan terbentuknya isu perfectionisme yang menyebabkan tindakan berulang-ulang untuk menyiapkan sesuatu kerja. Menurut Responden 2, keadaan ini dialami olehnya ketika sedang menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru.

"Bila saya buat assignment, ada kena tulis banyak, pastu bila salah sikit kena letak correction tape, tapi bila letak correction tape tu macam tak cantik so saya tulis balik benda tu..."

Menurutnya juga, isu kesempurnaan ini bukan sahaja mengenai tugas individu, malah melibatkan tugas berkumpulan.

"...lepastu ada satu group member ni dia buat asalkan siap, so saya buatkan part dia..."

Perasaan tidak puas hati terhadap pencapaian juga boleh memberi kesan terhadap pencapaian diri yang rendah kerana lambat menyiapkan dan menghantar tugas.

iii) Risau yang Berlebihan

Kesan terakhir adalah menyebabkan kerisauan yang berlebihan terhadap pencapaian diri dan risau terhadap persepsi orang lain terhadap tugas yang dilakukan.

"Bila saya belajar dan saya tak faham, saya akan ulang balik, belajar sendiri... Saya rasa saya tak patut rasa tak faham, saya sepatutnya faham pelajaran tu..."

- Responden 5

Ekspetasi juga melibatkan ahli keluarga yang mempunyai jangkaan yang tinggi dalam pelajaran mereka. Sosioemosi yang terganggu kerana harapan dan kebergantungan pencapaian oleh orang sekeliling menyebabkan kerisauan yang berlebihan.

"Parents memang ada high expectation, sebelum ni di sekolah biasa pun dah high expectation, bila masuk sini lagilah expextation tu tinggi"

- Responden 2

5.0 PERBINCANGAN

Dapatan hasil kajian kuantitatif dan kualitatif menunjukkan pelajar pintar dan berbakat berdepan dengan isu sosioemosi yang dialami dari segi isu keinginsempurnaan, keterujaan luar biasa dan beberapa kategori emosi yang lain. Faktor pencetus isu emosi telah dapat dikenalpasti dan ianya telah memberi kesan terhadap perkembangan dan pencapaian diri pelajar. Hasil kajian tersebut didapati selari dengan hasil kajian beberapa pengkaji lepas yang lain yang mengatakan antara impak negatif keinginsempurnaan adalah individu pelajar meletakkan target yang mustahil untuk dicapai, mempunyai pemikiran yang negatif, neurocicism, penangguhan (procrastination), pencapaian akademik yang rendah, burnout dan cubaan membunuh diri. Keinginsempurnaan maladaptive juga akan mempengaruhi pencapaian akademik, tidak puas hati dengan pencapaian yang ada, sentiasa risau dengan pencapaian diri, motivasi diri yang rendah dan impak dalam pencapaian akademik ini menyumbang kepada pencapaian dibawah tahap (underachievement) dalam kalangan pelajar. Keinginsempurnaan berorientasikan sosial akan berakhir dengan masalah emosi seperti ketakutan, tekanan dan kebimbangan manakala keinginsempurnaan berorientasikan diri yang didorong oleh matlamat untuk sentiasa meningkatkan diri mencapai kejayaan (Lamont 2012; Stoeber et.al.2021). Hasil kajian juga menunjukkan sikap mementingkan kesempurnaan (perfectionist) yang tinggi boleh mendorong mereka ke arah takut terhadap kegagalan (Abu Yazid & Aliza Alias 2009). Ini akan menjadikan mereka cepat berputus asa dan mudah marah apabila tidak berpuas hati dengan hasil kerja mereka. Kerja mereka juga boleh tertanggung disebabkan mereka inginkan kesempurnaan sebagai persediaan untuk memulakan kerja tersebut dan juga kesempurnaan dalam hasil akhir. Selain itu, mereka juga mempunyai tahap estim sendiri yang rendah (low-self esteem), keterujaan melampau (overexcitabilities), perasaan tertekan serta kebimbangan yang berterusan (Abu Yazid 2014) Mereka juga mempunyai sikap tidak mahu mengalah yang menjadikan mereka lebih agresif dalam mempertahankan pendapat (Aliza Alias & Hamidah Yamat 2009). Sikap tidak mahu mengalah ini boleh menyebabkan mereka menghadapi ketegangan perhubungan dengan rakan sebaya dan juga guru-guru mereka. Ciri-ciri ini akan memberi bebanan kepada diri mereka. Dalam konteks pembelajaran pula, isu penyesuaian sosial tersebut boleh merencatkan proses pembelajaran mereka akibat konflik interaksi yang timbul di antara mereka dengan rakan-rakan sebaya serta guru-guru (Bee 1999; Rimm 2003; Ng Sen Fa 2005; Ananda Kumar 2008; Mohd Zuri et al. 2008)

6.0 KESIMPULAN

Isu sosioemosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat perlu diberi perhatian yang mendalam kerana berbanding dengan pelajar biasa, pelajar pintar dan berbakat memerlukan satu intervensi khusus dalam membantu merawat masalah yang dialami. Rawatan adalah perlu diberi fokus dengan cara kaunselor perlu memahami ciri-ciri keunikan emosi dan intelektual pelajar pintar dan berbakat sebelum merancang aktiviti yang bersesuaian sebagai pelan rawatan dan pencegahan.

7.0 RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar. (2014). Perkhidmatan Kaunseling Pelajar Pintar Berbakat. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Yazid Abu Bakar & Aliza Alias. (2009). Sokongan psikologikal dan sosio-emosi pelajar pintar cerdas. Dlm. Noriah Mohd Ishak, Rosadah Abd Majid & Siti Fatimah Mohd Yassin. (pnyt). PERMATApintar: Pengalaman UKM, hlm. 111- 120. Bangi: Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebnagsaan Malaysia
- Aliza Alias & Hamidah Yamat. (2009). Ciri Kanak-Kanak Pintar Cerdas. Dlm. Noriah Mohd Ishak, Rosadah Abd Majid & Siti Fatimah Mohd Yassin. (pnyt). PERMATApintar: Pengalaman UKM, hlm. 111-120. Bangi: Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebnagsaan Malaysia
- Diani Mardiana Mat Zin, Amirah Zainun, Farhana Abdul Razak. (2017). Tekanan Emosi Dalam Kalangan pelajar Pintar dan Berbakat. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issur. e-ISSN: 2289-8042
- Leyden, S. (2013). Supporting the Child of Exceptional Ability. ProQuest (Firm)
- Lovecky, D. V. 1993. The quest for meaning: Counseling issues with gifted children and adolescents. In L. K. Silverman (Ed.), *Counseling the gifted and talented* (pp. 29–47). Denver, CO: Love Publishing.
- Pamela, Li. (2023) Asynchronous Development of A Gifted Child And Their Unique Needs. Parenting for Brain. <https://www.parentingforbrain.com/asynchronous-development/>
- Noriah, M. I., & Abu Yazid, A. B. (2010a). Psychological issues and the need for counseling services among Malaysian gifted students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 5, 665–673.
- Noriah, M. I., & Abu Yazid, A. B. (2010b). Counseling for gifted students: implication for a differentiated approach. *The International Journal of Learning.*, 17(6), 377–391.
- Ng Sen Fa (2005). *Rahsia Individu Pintar Cerdas dan Masalah Mereka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Ng Sen Fa & Sandiyao Sebestian. (2005). Masalah sosio-emosi kanak-kanak pintar cerdas. *Makalah Pendidikan Universiti Maalya* : 5-12
- Tomlinson, Sally (2008). Gifted, talented and high ability: selection for education in a one-dimensional world. *Oxford Review of Education*. 34(1), 59–74.
- Yoo J.E. & Moon S.M. 2006. Counseling needs of gifted students: an analysis of intake forms at a university- based counseling center. *Gifted Child Quarterly*. Vol 50, No 1.